

220



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
PORT DICKSON

**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



# BULETIN

**POLITEKNIK PORT DICKSON**

**DIS 2015-MEI 2016**

Bil.  
ISSN:



## **MAJLIS PERASMIAN RUMAH WARISAN HAJAH KUNDUR** MS5

INTELLIGENT  
HOUSEPOLIPD  
**MS3**

POLIPD KE ARAH  
AKREDITASI APACC  
**MS4**

EKPLORASI  
MEDAN  
**MS6**

HIV &  
REMAJA  
**MS7**

GREEN CARD CIBB  
UNTUK PELAJAR  
**MS8**

STESAN  
SATELIT BUMI  
**MS9**

"JOM  
SKOR A"  
**MS10**

FUTURE  
TEACHING  
& LEARNING"  
**MS11**

ATLET  
HARUMKAN  
POLIPD  
**MS12**

[www.polipd.edu.my](http://www.polipd.edu.my)



**MEJ. (K) HAJI MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM., DNS**  
PENGARAH POLITEKNIK PORT DICKSON

# ALUAN TUAN PENGARAH

Terlebih dahulu pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menerbitkan buletin keluaran pertama tahun 2016 ini.

Hampir 26 tahun PoliPD telah wujud dan pencapaian dan kecemerlangan pelbagai bidang berjaya dirasakan. Maka, tidak hairanlah PoliPD dijadikan penanda aras bagi pihak orang lain yang turut bangga dengan pencapaian tersebut.

Pencapaian ini menunjukkan komitmen dan tanggungjawab yang digalas oleh warganya yang berganding bahu bagi meneruskan kegemilangan yang dicapai berterusan. Pada tahap ini, banyak kejayaan dan kecemerlangan telah dicapai di peringkat nasional mahupun global. PoliPD berupaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pementapan organisasi melalui aktiviti selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPPM PT) 2013-2025, serta pemegang taruhnya. Disamping itu, Petunjuk Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) turut dijadikan panduan asas pelaksanaan aktiviti serta proses penyampaian pendidikan di PoliPD. Bagi tahun ini, PoliPD berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa (APACC) dalam menambahkan nilai kualiti kecemerlangan institusi ini. Saya berharap semoga para pelajar dapat mempertingkatkan ketekunan dalam usaha menimba ilmu, bukan sahaja mencapai kecemerlangan dalam akademik tetapi dari aspek kemahiran insaniah.

Sesungguhnya, graduan yang lahir dari akan menjadi obor yang sangat berguna dalam hidup di masa hadapan. Akhir kata, tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah berjaya menerbitkan majalah ini serta menyumbangkan buah fikiran dan tenaga dalam usaha membangunkan sahsiah dan pementapan organisasi di PPD. Semoga proses P&P dijadikan teras utama dalam setiap aktiviti yang diadakan agar ianya tidak tersasar dari objektif asal kita.

Sekian,

*wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

**MEJAR (K) HAJI MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM., DNS**

Pengarah

Politeknik Port Dickson

## MISI POLITEKNIK PORT DICKSON

Menjadi institusi TVET unggul bertaraf global

## VISI POLITEKNIK PORT DICKSON

- Menghasilkan graduan TVET berkualiti, holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan yang memenuhi keperluan negara.
- Membangun dan melestarikan kerjasama pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar Negara.
- Memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Mejar (K) Hj Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim., DNS

### PENASIHAT

Tuan Haji Mohd Asri Bin Sarbun

### KETUA EDITOR

Izawati @ Siti Zawiyah Binti Isa

### PEN. KETUA EDITOR

Nagarajan A/L Marimuthu

### EDITOR

Rohana Binti Hassan Basri

Azilah Binti Asri

Rosniyati Binti Abd. Razak

Tham Sook Chan

Juhana Binti Simarani

Azharizal Bin Santib

Puteri Nur Adilatul Atrab Bt Megat Hamari

### REKABENTUK GRAFIK

Azrin Bin Mohammad

Muhamad Haffizi bin Jamil

### JURUFOTO

Mohd Sani Laili Bin Maslon

## Intelligent House PoliPD

**26 Jan** - Satu lagi pencapaian besar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) PoliPD ialah terciptanya Rumah Hijau Pintar (Intelligent Green House). Ia telah dirasmikan oleh Dr. Naimah binti Md Khalil, Pengarah Bahagian Perancangan Politeknik. Majlis ini turut diselitkan dengan Majlis Perpisahan Dr Lee Seung Kyu yang akan pulang ke Korea setelah tamat melakukan kajiannya berkaitan dengan projek Rumah Pintar. Projek mega yang melibatkan kombinasi 4 program di JKE dilihat sebagai satu titik permulaan selaras dengan konsep pembangunan mapan bagi memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi masa depan. Di samping itu, projek ini mampu menjadi Center of Training kepada warga PoliPD khususnya dan komuniti luar amnya. *-Azilah Asri*



Persembahan muzik oleh kumpulan Lestari Hijau



Simbolik perasmian *Intelligent Green House* JKE Politeknik Port Dickson oleh Dr. Naimah binti Md Khalil, Pengarah Bahagian Perancangan Politeknik



Sijil penghargaan buat Profesor Dr Lee Seung Kyu



Lawatan dan penerangan mengenai *Intelligent Green House*

## RUMAH ALA JAMES BOND

**25 Feb** - Lawatan susulan ke MAG BUILDERS SDN. BHD (MBSB) di Shah Alam, Selangor oleh JKA memberi impak yang besar dalam aspek inovasi yang bakal dilaksanakan khususnya berkaitan aspek *Design and Build*. Ketua Program, Dr. Setiawan Hardono berkata lawatan ini bertujuan untuk mengetahui kaedah pengendalian MAG secara lebih dekat, pengoperasian dan organisasi. Kolaborasi ini mendasarkan projek binaan rumah berkonsepkan 'ala James Bond' dan binaan rumah *Mobile Container Homes* untuk dipasarkan dan dijual kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO). *(Dr Setiawan Hardono)*



## POLIIPD BINA RUMAH POLYHOME



Sebahagian pelajar dan pensyarah yang sanggup bergabung tenaga menyiapkan rumah polyhome



Dato' Mokhlis Jaafar (baju putih tengah) hadir ke tapak pembinaan rumah polyhome



**21 Mei** - PoliPD bersama syarikat GBIS Bhd berjaya dalam projek pembinaan rumah komuniti IBS fasa 2 (Rumah Polyhome) di Hulu Besut Terengganu untuk penduduk yang kurang berkemampuan.

Program bersama Jabatan Pendidikan Politeknik serta syarikat GBIS Bhd sebagai pemantau, telah mendapat sokongan daripada Parlimen Besut dan JKKK Kg. La Hulu Besut. Pembinaan berterusan mampu disiapkan dalam masa 26 hari. Projek ini merupakan kesinambungan projek fasa 1 yang telah dilaksanakan oleh Politeknik Kota Melaka (PMK) dan Politeknik Kota Bharu (PKB) yang mana rumah mampu milik berkonsep IBS 20'x30' (3 bilik). Majlis penyerahan kunci telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh. *-Muhd. Iskandar Abu Thohib*

# Kembara Ilmu & Amal Aceh



Bersama pensyarah pelajar Politeknik Aceh

**2 – 6 Mei** - Seramai 5 orang pegawai kanan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Port Dickson, Puan Yusma Yusof, telah menyertai delegasi Kembara Ilmu dan Amal ke Politeknik Aceh dan Pondok Pasentren Nurul. Program lawatan ini bertujuan untuk meneroka peluang dan ruang dalam pelbagai aspek ilmu dan khidmat masyarakat sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.

Delegasi rombongan telah bertemu dengan Direktur Poli Aceh; Bapak Zainal Hanafi. Semasa pertemuan ini antara perkara yang dibincangkan ialah;

- Pertukaran pelajar & pensyarah bagi kursus2 yang berkaitan
- Bekerjasama dalam bidang pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan keusahawaan
- Penganjuran program/ aktiviti bagi mengukuhkan ukuwah pelajar seperti Pengucapan Awam Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu, seminar, *Language & Computer Camp*, dll

Beberapa kertas kerja turut dibentangkan oleh Puan Yusma Yusof, Pn Izawati Isa dan Pn Halimah Mat Desa. Sementara itu, delegasi rombongan sempat menghulurkan sumbangan PoliPD kepada Pondok Pasentren Nurul yang menempatkan hampir 200 penghuni. Kembara ini menyaksikan satu dimensi tersendiri; bagaimana bencana alam tsunami telah merubah lanskap serta budaya dan rakyat Aceh. -Rohana Hasan Basri

## POLIPD ke arah Akreditasi APACC

**25-29 Apr** - Aliran pekerjaan merentas sempadan telah menjadi satu trend di era globalisasi ini. Maka, pastinya majikan antarabangsa memerlukan pekerja berkemahiran, berdaya saing dan berkualiti tinggi yang mampu memenuhi keperluan mereka. Bagi mencapai hasrat ini, Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) bersama Colombo Plan Staff College (CPSC) telah mengadakan bengkel *Quality Assurance in TVET through APACC Accreditation* di Politeknik Port Dickson. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Prof Alto Rumlita, Perunding CPSC.

Seramai 25 peserta yang terdiri daripada pegawai JPP dan pensyarah politeknik telah mengikuti bengkel selama 5 hari ini. Antara kandungan bengkel ialah

- Persediaan untuk mendapatkan pengiktirafan akreditasi APACC
- Perkongsian pengalaman dari politeknik yang telah mendapat akreditasi APACC
- Sesi Mock Audit APACC
- Pelan Tindakan APACC

Hasil dari perbengkelan ini, PoliPD akan diakreditasi oleh APACC sekitar bulan Sept 2016 sementara itu, lain-lain politeknik turut juga membuat persiapan ke arah akreditasi APACC di masa akan datang. -Izawati Isa

### Semoga POLIPD berjaya mendapatkan pengiktirafan Emas APACC



# Menteri rasmi bangunan Warisan



**16 Mei** - Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap telah menyempurnakan perasmian rumah warisan di PoliPD yang akan dijadikan sebagai bahan kajian dan rujukan pelajar dan pelawat. Terdahulu dari itu, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, En Mohd Yunos bin Charlie Charington, telah memberi sepenuh kepercayaan kepada Unit Senibina PoliPD dalam usaha memulihara bangunan warisan di negara ini. Dengan mendapatkan sokongan UNESCO, dengan kos RM 130,000, kerja membuka, memasang serta pemindahan sebuah rumah usang Hajjah Kundur dari Rembau NS ke PoliPD telah dilaksanakan dengan jayanya disamping mengekalkan keasliannya.

Rumah ini terpilih hasil dari kajian Dr Isham Shah Hassan pensyarah kanan Senibina PoliPD. Beliau mendapati rumah tersebut menghadap kiblath, binaan utama tanpa menggunakan paku, terdapat ruang asing bagi anak gadis, pintu masuknya rendah bagi memastikan tamu menundukkan kepala apabila masuk serta rumah tersebut berciri bangsawan kerana tiang tidak jejak ke bumi.

Seterusnya, PoliPD sedang berusaha untuk melaksanakan projek warisan dengan memindahkan sebuah masjid lama berusia 250 tahun dan rumah lama daerah Kuala Pilah yang berumur lebih dari 150 tahun. Diharapkan tapak ini akan menjadi tapak bangunan warisan seni bina Negeri Sembilan seterusnya menjadi satu tarikan pelancong dan produk pelancongan di Negeri Sembilan. Turut menyaksikan perasmian ini adalah delegasi dari Indonesia, Korea, India dan Filipina - *Dr Isham Shah Hassan*



# EKPLORASI MEDAN

**13 Jan** – Dalam siri lawatan ke tujuh buah institusi 'MEDAN EXPLORATION 2016' menghasilkan manfaat yang besar dan membuka peluang pelajar negara Asean melanjutkan pelajaran di PoliPD terutamanya mengikuti kursus pendek. Disamping itu, ia membuka peluang kepada POLIPD untuk menjalankan penyelidikan dan projek CSR antarabangsa dengan institusi-institusi dilawati.

Antara insituti yang dilawati ialah Akademi Teknik dan Keselamatan Penerbangan Medan, Politeknik Media Kreatif Negeri Medan dan Universiti Medan Area, SMA Muhammadiyah dan Universiti Prima Medan, Kolej Teknikal Harapan Medan dan Kolej Teknikal Taruna Tekno Nusantara Medan. Hasil dari lawatan ini, beberapa kursus pendek PoliPD telah menarik minat mereka antaranya e-learning, robotik, animasi computer, planning and design, AutoCAD level 1 to 3, Industrial Instrumentation dan Bahasa Ingeris.

-Dr Isham Shah Hassan



Sambutan dari SMKA Muhammadiyah 2



Bersama pengurusan Universitas Prima Indonesia

## JURI PUJI PROPOSAL PELAJAR



Pembentangan pelajar Diploma Akauntansi Semester akhir



Juri sedang mengadili pembentangan akhir sesi Dis 2015

**23 Mac** - Kualiti proposal pelajar semester akhir Diploma Akauntasi, Jabatan Perdagangan telah mendapat pujian daripada ketua juri penilai setelah mendapati 188 pelajar berjaya membentangkan laporan dengan baik dan memahami format sebenar kajian. *Flow* kajian adalah betul dan menepati tahap kajian yang bertaraf diploma dan terdapat kumpulan yang boleh upgrade kajian mereka untuk menjadi kajian bertaraf sarjana muda. Demikian menurut Dr Zakri Abdullah, pensyarah Institut Perguruan Raja Melewar (IPRM).

Antara kajian yang mendapat pemarkahan tinggi adalah Kajian Tentang faktor yang mendorong pembayaran zakat pendapatan (penggajian) dalam kalangan kakitangan professional UITM Seremban 3; Persepsi Penduduk Port Dickson Terhadap Perbankan Internet; Faktor-Faktor Kecenderungan Menggunakan Sistem Perbankan Islam Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik; Cabaran Peniaga Dalam Menjalankan Perniagaan *Online* Di Bangi Sentral Selangor; Persepsi Pensyarah Politeknik Port Dickson Terhadap Penggunaan Kad Kredit dan *The Factors That Effecting The Demands On Health And Life Insurance Among Patients In Seremban Medical Centres*. Panel jemputan lain ialah Mayzatul Akmam bt. Kamarudin (IPRM) dan Khairul Rizan bin Mat Ludin, juruaudit MARDI, Serdang. (Siti Yusnida)

## Pensyarah JP - Raih RM2000

**3-5 Jun** – Laporan penulisan kajian kes bertajuk PANTAS COURIER SERVICES SDN BHD – 'If Cannot Be A Leader, Be A Close Follower', hasil kajian 4 pensyarah Jabatan Perdagangan berjaya mendapat hadiah kedua wang tunai RM2000 dalam pertandingan Program Executive Certificate in Advanced Business and Entrepreneurship Management di Convention of Executive Certificate in Advanced Business and Entrepreneurship Management, Carlton Holiday Hotel & Suites, Shah Alam. Program anjuran Othman Yeop Abdullah, Universiti Utara Malaysia, melibatkan IPTA dan IPTS di Malaysia bagi mengumpulkan penulisan berkaitan kajian kes syarikat-syarikat di Malaysia memandangkan kekurangan penulisan kajian kes tentang syarikat Malaysia.

Rosniyati Razak, K. Devaki, Nor Ariefah Hafidza Kadir dan Amimah Talib telah menjalankan kajian ke atas syarikat milik pelajar alumni Politeknik Port Dickson. Kajian kes ini meliputi data-data tentang syarikat dan persekitaran perniagaannya, lengkap dengan 'lecture notes' serta strategi yang boleh digunapakai semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Tempat pertama dimenangi oleh USIM, dan ketiga UUM.

-Rosniyati Razak



## HIV & Remaja

**17 Mac** – Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kehidupan sihat, Jabatan Pengajian Am serta Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Poliklinik, PoliPD telah mengadakan Program Remaja & HIV dalam usaha mengekang budaya kurang sihat dalam kalangan remaja.

Penceramah undangan, Dr Muhammad Firdaus Ujang, telah menyampaikan ceramah bertajuk “Remaja Sihat Dan Cergas” kepada 600 remaja PoliPD. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson yang turut berkempen program ‘Satu Ikrar Sejuta Harapan’ derma organ demi kehidupan. -Nurulazidah bt Jaafar



Dr Muhammad (berkaca mata) bersama pelajar PPD

## BICARA CEO



“Full House” audien semasa sesi perkongsian ilmu bersama CEO Sme Packagian SB



Mejar (B) Abdul Rahman Ibrahim menyampaikan ceramah berkenaan packaging

**18 Feb** – Pelajar Diploma Pemasaran Jabatan Perdagangan telah diberikan pendedahan yang meluas dan berkesan dalam Program Bicara CEO : sesi perkongsian ilmu bersama pengarah urusan SME PACKAGING CENTRE SDN BHD, Mejar (B) Abd Rahman Ibrahim. Program dipenuhi dengan informasi yang padat mengenai jenis-jenis proses pembungkusan produk tempatan yang boleh dipasarkan serta penilaian ciri-ciri kebaikan dan kelemahan pembungkusan yang ditekankan. Input ini sangat berguna kepada kumpulan sasaran yang sinonim dengan bidang mereka dan bakal-bakal usahawan politeknik. -Nor Ariefah Hafidza

## POLMED ikuti e-Learning

**9 Mei** – Kolaborasi baik yang terjalin dengan PoliMED telah berhasil dengan terlaksananya satu kursus pendek e-learning yang dihadiri oleh 30 pensyarah Sumatera Utara POLMED. Mereka telah didedahkan dengan E Learning, Blended Learning, Flipped Classroom, SCORM dan Learning Management System. Kursus ini amat signifikan kerana ia mengikut trend dan kehendak gaya pengajaran dan pembelajaran terkini ke arah pembudayaan pengajaran dan pembelajaran digital / e-learning / mobile learning. Tenaga pengajar adalah Dr Isham Shah bin Hassan dan dibantu oleh Mohd Izad Affendy Bin Mohd Yusof dan Catherine Foo. Hasil dari kursus, para peserta turut berminat untuk menyertai pertandingan EDOLA, pembelajaran dan R&D e-learning tahun depan. -Dr Isham Shah Hassan



suasana pembelajaran e-learning staf POLIMEDAN di POLIPD

## DUNIA ATRONOMI ISLAM 2016

23 Feb – Unit Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Am (JPA) dengan kerjasama Jabatan Mufti Melaka dan Balai Cerap (Kompleks Falak al-Khawarizmi) telah mengadakan Bengkel Pendedahan Dunia Astronomi Islam 2016 kepada 76 pelajar PoliPD di Tanjung Bidara, Melaka selama dua hari. Bengkel ini menekankan kepada Konsep, Peranan, Impak dan Pencapaian dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan serta fakta-fakta saintifik di dalam al-Quran.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar berkaitan dunia Astronomi Islam yang luas. Peserta dapat menimba pengalaman sebenar dengan mencuba peralatan cerapan seperti teleskop. Bengkel ini juga dapat membuka minda dan pengetahuan pelajar mengenai kepentingan dan perkembangan dunia astronomi Islam khususnya di Malaysia serta diharap dapat menambah minat pelajar untuk menerokai Dunia Astronomi Islam. -Nurulazidah Jaafar

Pelajar memberikan tumpuan dalam bengkel, aktiviti treasure hunt dan cerapan langit malam

## Hubungan aktif POLMED

10 – 11 Dis – Sebagai membalas kunjungan Politeknik Negeri Medan (POLMED), satu lawatan kolaborasi ke POLMED telah diadakan oleh Jabatan Perdagangan (JP) bersama dengan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Seramai 30 orang pensyarah dan pelajar telah mewakili delegasi PPD dalam lawatan kali ini. Bapak Cipta Dharma Direktor 4 Bidang Kerjasama POLMED telah mengaturkan beberapa aktiviti untuk rombongan delegasi, antaranya adalah lawatan dan aktiviti untuk pensyarah dan pelajar JKM & JMSK ke kelas makmal dan bengkel yang berkaitan dengan jurusan Teknik Mesin, dan lawatan ke perusahaan batik UD Mitra Cahaya (Rumah batik Sumetra Utara) serta lawatan CSR ke Panti Asuhan Aceh Sepakat Darul Aitam. Menerusi lawatan antarabangsa ini, para delegasi mendapat pendedahan terhadap proses pengurusan dan teknologi yang digunapakai di POLMED bukan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran bahkan perkembangan setempat di sekitar Medan khasnya perusahaan batik Sumetra Utara -Tham Sook Chan



Lawatan di Bengkel Kimpalan Baharu, Politeknik Negeri Medan (POLMED)



Lawatan Ke Bengkel Pesawat, Politeknik Negeri Medan (POLMED)



Lawatan ke Perusahaan Batik UD Mitra Cahaya (Rumah Batik Sumetra Utara)

## Green Card CIDB untuk Pelajar



Encik Mohs Raslan Mahmud, penceramah Green Card CIDB (juga External Assessor CIDB (SHASSIC)) memberikan kursus kepada pelajar

20 Mac – Kelab Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (MECHCLUB) telah mengadakan Kursus Green Card CIDB kepada 127 orang pelajar Diploma Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) sebagai memenuhi syarat wajib sebelum menjalani Latihan Industri.

Kursus lengkap selama 3 hari dijalankan pada hujung minggu, memberi fokus kepada 3 kumpulan sasaran yang telah diatur. Encik Mohs Raslan Mahmud, penceramah Green Card CIDB dari MRM & H Services, Selangor memperjelaskan kepada pelajar berkaitan dengan amalan keselamatan di tempat kerja. Di akhir kursus ini, kesemua pelajar yang bakal menduduki Latihan Industri telah mempunyai Green Card yang dapat menjamin keselamatan di tempat kerja yang berisiko -Tham Sook Chan

## CSR MAAHAD TAHFIZ AS-SAIDIYYAH

**27 Feb** – Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), bersama 65 pelajar dan 5 pensyarah Unit Senibina, telah mengadakan program khidmat masyarakat di Maahad Tahfiz As-Saidiyyah (MTAS), Senawang Negeri Sembilan sebagai mewujudkan jalinan antara PoliPD dengan komuniti. Disamping itu, program ini dapat meninjau peluang untuk menarik lebih ramai pelajar-pelajar sekolah lepasan SPM khususnya pelajar-pelajar tahfiz generasi Quran menyambung pengajian di politeknik. Bagi pihak pengurusan MTAS pula, mereka sangat teruja dan terharu dengan kehadiran pasukan dari PoliPD kerana pasukan ini telah banyak membantu mereka menceriaikan sekolah. Program ini telah dirasmikan oleh YB Mohd Ghazali bin Abd Wahid (Adun Kawasan Paroi). *-Dr Setiawan Hardono*



Gotong-royong membersihkan kawasan MTAS.

## PERTANDINGAN E-DOLA 2016 – JKA JUARA



Penyampaian cenderahati kepada sebahagian juri E-DOLA 2016

**10 Mei** – JKA mengungguli semua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori E-Convergence (video panjang dan animasi pendek), SCORM (learning object, e-micro content (emcc), gen-TVET (foto) dan tempat kedua e-micro content (emcc) kategori 240 minit di pertandingan E-Dola 2016 di PoliPD. Ia bertujuan untuk mengetengahkan produk eLearning yang dibangunkan oleh pensyarah PoliPD ke pertandingan peringkat kebangsaan anjuran KPTM kelak. Tajuk “Measured Drawing” – scorming dan –ECONVERGENCE, “Edgesurf Command in Autocad” - EMCC kategori VIDEO (180 second), “Social Experiment” - EMCC kategori VIDEO (240 second), “Fisherman Technology Museum Conceptual Ideas”-EMCC kategori ANIMASI (240 second) dan “Astronomy Museum Conceptual Ideas” - EMCC kategori ANIMASI (180 second) berjaya menjadi johan. Juri pertandingan adalah pensyarah-pensyarah dari Insituti Medan. *-Dr Isham Shah bin Hassan*

## Stesen Satelit Bumi



Stesen Satelit Bumi Besarah Kuantan

**19 Feb** - Seramai 30 orang pelajar DEP6S1 Jabatan Kejuruteraan Elektrik bersama 2 orang pensyarah pengiring telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Stesen Satelit Bumi Besarah Kuantan dengan tujuan untuk melihat lebih khusus perhubungan satelit terkini seperti yang didapati dalam kursus EP604-Microwave Communication. Menerusi lawatan ini, para peserta lawatan juga turut dapat mengenalpasti sistem komunikasi satelit yang telah dilancarkan oleh negara Malaysia. Selain daripada mengikuti proses pembelajaran rutin di dalam kelas, dengan adanya program seumpama ini, ia sememangnya dapat membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan lagi. *-Azilah Asri*



Diberi penerangan mengenai operasi dan sistem kerja di Stesen Satelit Bumi

## POLITEKNIK PORT DICKSON DIPLOMA ELEKTRONIK KOMUNIKASI JUN 2013 - DIS 2015



DEP6S1 bergambar bersama pensyarah pengiring

## Ke Arah MEMPERKASAKAN POLIPD

23 Jun – Sistem di Perpustakaan PPD kini berupaya meningkatkan kefahaman penggunaannya dalam pencarian maklumat dengan lebih efisien terutama di era IT. Melalui Program Literasi Maklumat kepada pelajar semester 1 khususnya, mereka telah didedahkan kepada penggunaan web-OPAC untuk mencari bahan dan sumber ilmiah yang terdapat di rak buku. Pegawai Perpustakaan, Marwanul Hakim berkata semua warga PPD terbuka untuk mendapatkan pendedahan mengenai APA system ini termasuk pensyarah dan pelajar. Selain bahan cetak yang disediakan, pengguna boleh mendapatkan perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyediakan bahan-bahan elektif, e-book dan data base.

Kelab Sahabat Perpustakaan turut aktif membantu pihak perpustakaan melalui aktivitinya seperti lawatan ke UTHM, Pesta buku Antarabangsa 2015, mengadakan Mini Karnival "jom beli buku" pertandingan peringkat politeknik. -Juhana Simarani



Lawatan ke Kelab Sahabat perpustakaan ke UTHM



Pertandingan boling kelab sahabat perpustakaan

Mini karnival "Jom Beli Buku"

## Jalinan bersama Industri, Alumni dan Komuniti



Pelajar Projek Semester Akhir menerangkan projek diploma semester akhir mereka kepada para penilai panel luar yang terdiri daripada alumni dan orang industri



Majlis Menandatangani NOU JKM PPD bersama dengan Crescent Gear Solution Sdn Bhd



Sesi fotografi kenangan pihak penganjur bersama para jemputan luar (alumni dan industri)



Bengkel robotik bersama sekolah-sekolah angkat

3 Mac – Program yang bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan bidang akademik dan kerjaya kepada para pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Program Salutasi JKM @ Mechatron 2016 telah diadakan. Di sini pelajar dari semua semester telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran dan Penilaian Projek Pelajar semester akhir yang turut dinilai oleh panel luar yang terdiri daripada para jemputan alumni dan industri, seminar/ceramah akademik bersama industri, seminar dan gerai keusahawanan.

Majlis menandatangani Nota Kolaborasi dengan rakan industri, perkongsian pengalaman alumni dan aktiviti lain turut diadakan bagi megeratkan jalinan silaturahim antara para pelajar mekanikal dengan pelajar sekolah sekitar Port Dickson. Penglibatan aktif panel-panel jemputan dari industri yang mempunyai potensi yang tinggi di samping sokongan dari Alumni Politeknik Port Dickson itu sendiri, memberi ruang dan peluang para pelajar membuka mata untuk melihat sendiri perkembangan drastik industri di luar. Semoga program seperti ini akan diteruskan untuk kebaikan semua pelajar terutama pelajar JKM. -Tham Sook Chan

## " JOM SKOR A"

23 – 24 Mac - Rekod peratusan pelajar gagal bagi kursus DET1013 (Electrical Technology), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah mencetuskan inisiatif CQI dengan melancarkan program kecemerlangan "JOM SKOR A". Empat orang pensyarah JKE telah membantu dari aspek teknik menjawab, penerangan skema pemarkahan, topik utama, latihan tubi, ulangkaji topik terpilih, motivasi dan pengisian rohani. 69 orang pelajar di bawah program Diploma DET, DEG, DEP dan DTK, yang mempunyai prestasi rendah dan pernah mengulang kursus DET1013 ini telah menyertai program ini dengan jayanya. Pengesanan awal terhadap sebarang kelemahan diri pelajar amat perlu dalam membimbing mereka serta menyedari tindakan penambahbaikan mengatasinya masalah ini amat perlu selagi ia masih ada ruang dan peluang untuk dibuat penambahbaikan secara berterusan. -Azilah Asri



Pelajar diterangkan cara penyelesaian soalan oleh Encik Jaafar



Latihan perlu dilakukan secara individu bagi mudah dipantau dan disemak

# FUTURE Teaching & Learning : Some Considerations

by Izawati Isa

## Background

How do you define the future teaching and learning? How will students and teachers learn and teach differently? With the Malaysian Education Blue Print, are we ready for this? This idea of what learning and teaching for the future is open to divergent of interpretations and controversy. Generally, at present, the term 21st century refers to digital literacy that requires learners and teachers to possess not only skills in IT, but also core competencies such collaboration, critical thinking and problem solving which believe to help learners thrive in today's world. The use of gadgets such as smartphones, tablets and keyboards are very obvious. With a good digital literacy, students are able to reach their learning via smartphones or computers. In fact, curriculum and syllabus are consistently revamped and updated to keep to this ongoing trend. With all these, are we effectively preparing for our students for a new kind of workplace - fast pace, technology-rich, and fostering life-long learning and with good ethic values.


## Trends of future teaching and learning

The process of teaching and learning aims at producing sets of knowledge, skills, work habits and character traits that are believed to be critically important to success in today's world. How do these affected by the changes in the process of teaching and learning. According to Barseghian (2011), there are three trends that define the future of teaching and learning



## Reference

- Barseghian, Tina. 2011. Three Trends That Define the Future of Teaching and Learning  
 Donaldson, S. 2015. Three Trends that will Influence Learning and Teaching 2015.  
 Taylor, Paul. 2013. Technology is the key to teaching future skills. The Connected Business.  
 Bush, Tim. 2012 Exploring the future impact of technology on teaching and learning  
 Ernest & Young.2012. University of the future. Australia



## 1. Collaborative

Sharing information and connecting with others are widely seen almost everywhere. This is done through social media to learn more about specific subjects or to gauge others' opinions. Teachers and students relationships are changing as they learn from each other. Besides that, teachers roles are shifting from owners of information to facilitators and guides to learning.

## 2. Tech- Powered

Forward-thinking educators are finding interactive tools to grab their students' attention as pens and pencils are becoming obsolete. Educators are finding different ways of using class time. While introverted students are finding ways to participate in class discussions online.

## 3. Blended

It is a combination of computer with traditional teaching. Here, teachers are directing students' natural online interest towards schoolwork. Whatever they choose to do it, blended learning program involves teachers who use home-time online discussions and collaborative projects as a sparkplug for content and discussion in the classroom. Also, different approaches to teaching are being used in the same class and students are getting a global perspective.

## Conclusion

Future teaching and learning has broken the education system on how the traditional education model is transforming in response to digital technology and culture and reinventing the learning spaces from instructor-focused and passive to student-centered and active. Most importantly, teacher of the future must not only specialize in communicating the information they teach but building emotional and engaging connections with learning materials. The teacher is a significant element in shaping productive students who will positively impact an imperfect workforce. Anyway, nothing is certain in the future except adapting to the changes.

## Atlet harumkan POLIPD



Ain Arina mencipta rekod peribadi dalam sukan taekwondo



Imran menyerlah mewakili Malaysia di Kejohanan Bola Baling Remaja IHF 2016

**Mei** – Dua atlet Ain Arina Abd Majid (Taekwondo) dan Imran Mustaqim bin Mazlan (bola baling) terus mara mencipta rekod kecemerlangan peribadi dalam sukan yang berbeza telah mengharumkan nama Politeknik Port Dickson sehingga ke peringkat tinggi.

Ain, pelajar DSB memenangi 4 daripada 5 kejohanan yang telah disertainya antaranya kejohanan Taekwondo Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SukIPT 2016) di UTM, Skudai, Johor (gangsa), Kejohanan TM Sport Excel Junior National League 2016 di Perlis (gangsa), Kejohanan Taekwondo Jemputan UPSI-KPT 2016 Kat. Light Weight (emas) dan Taekwondo Tertutup Semenyih 2016 serta di Kejohanan Taekwondo Piala Datuk Bandar Shah Alam dalam kategori yang sama mendapat emas. Beliau kini sedang giat menjalani latihan untuk pasukan SukMA Negeri Perlis.

Imran pelajar JKM turut mengukir nama apabila berjaya dipilih dan diserapkan ke dalam Pasukan Bola Baling Remaja Malaysia ke Kejohanan Bola Baling Remaja Antarabangsa Asia Zon 1B (IHF) 2016 yang berlangsung di Jakarta, Indonesia. Beliau diyakini mampu menjaga gawang pasukan bola baling remaja Malaysia selepas melepasi dua saringan. Akhirnya berjaya membantu pasukan meraih keputusan naib johan di kejohanan tersebut. -Azharizal bin Santip

## KWA wujudkan Pelajar Holistik

**17 Mac** - Kelab Warisan Alam (KWA) sentiasa bergerak seiring dengan aspirasi negara dalam melahirkan pelajar yang holistik, seimbang, berkualiti serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Kualiti seseorang pelajar akan lebih mantap apabila beliau pelajar aktif dalam persatuan dan kelab. Maka, KWA telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi tujuan tersebut, antaranya Program Green Talk, AgroBiz, Lawatan Agro, Dusun Warisan dan lain-lain. KWA telah berjaya menyemaikan nilai-nilai kelestarian alam serta keusahawanan melalui tanaman pokok herba dan penjualan pokok dan buah cili. KWA sentiasa berusaha untuk memantapkan KWA melalui aktiviti dengan mewujudkan kolaborasi dengan lain-lain agensi di masa akan datang. -Hamdan Sulaiman

## "Berbeza Tetapi Bersatu"

**30 Mac** – 150 pelajar Politeknik Port Dickson daripada empat badan beruniform PPD telah bersatu menyertai tamat perbarisan baru-baru ini. Mereka mewakili badan beruniform dari Regimen Askar Wataniah (RAW), Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA), Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) dan Pengakap Kelana Laut. Majlis penutup dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Port Dickson iaitu Mejar (K) Tn Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim bertujuan untuk menghargai semua penglibatan pegawai pasukan, jurulatih pasukan dan pelatih badan beruniform PPD yang telah bertungkus-lumus menjalani latihan sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga turut dilatih oleh jurulatih bertauliah dan berpengalaman daripada pihak uniform RAW, JPAM dan RELA sendiri dari aspek kesukarelaan, kerohanian, kemantapan jatidiri dan sebagainya. Diharapkan nilai-nilai kemahiran insan pelajar PoliPD akan terselerah dan dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada agama, bangsa, dan negara. -Azharizal bin Santip



MAJLIS TAMAT LATIHAN DIS15 2



En Charim menanam pokok di Dusun Warisan